

Kandungan

m/s

1	(١) الانبياء والرسل
5	(٢) الواجب للرسل اجمالا وتفصيلا
7	(٣) المستحيل على رسل الله
8	(٤) الجائز على رسل الله
9	(٥) السمعيات
	(٦) البعث والنشر
10	(٧) الحشر
11	(٨) الصراط / الميزان
12	(٩) الحساب / الثواب والعقاب
13	(١٠) الملائكة
14	(١١) خلود الجنة والنار
15	(١٢) الجن والشياطين
16	(١٣) بعث الروح والجسد
17	(١٤) أولياء الله

التوحيد

TAUHID

Tingkatan 2

(1) MANUSIA MEMERLUKAN KEPADA PARA NABI DAN RASUL

1. Seseorang itu tidak mampu melakukan segala-galanya dan mengambil manfaatnya secara bersedirian, seperti bertani, menuai, dan menghasilkan sesuatu atau berulang alik bertemu guru-guru untuk menuntut ilmu. Oleh kerana itulah seseorang itu memerlukan orang lain dan orang lain memerlukannya pula.
2. Allah swt telah mengatur kehidupan manusia berasaskan konsep kenal-mengenal dan kerjasama antara satu sama lain untuk memakmurkan bumi ini dan menyucikan Allah swt dengan memujiNya.
3. Allah swt menciptakan manusia mempunyai pelbagai kecenderungan dan naluri. Sebahagian mereka cenderung kepada ilmu dan sebahagian lagi cenderung untuk berusaha di muka bumi atau suka bertani dan menuai dan pelbagai lagi kecenderungan dan naluri manusia.

Firman Allah swt: *“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga) “*

(Surah Ali Imran: 14)

4. Allah swt ketika menciptakan Adam a.s. Dia memerintahkan para malaikatNya tunduk sujud kepadanya sebagai sujud penghormatan, bukan sujud ibadah. Lalu para malaikat mematuhi perintah itu kecuali syaitan, kerana ia enggan dan sombong.
5. Kebijakan Allah swt ini merupakan rahmat dan belas kasihan kepada manusia, lalu diutuskan para nabi dari jenis manusia itu sendiri untuk membawa kebenaran dan untuk mengatur kehidupan manusia.

Firman Allah swt: *“maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab Neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan”. (Surah Al-Baqarah: 213)*

(١) حاجة الناس إلى الانبياء والرسل

١. لا يقدر إنسان على عمل كل شيء و ينفعه بمفرده كالزراعة والحصاد والصناعة ويختلف إلى المشايخ لتلقي العلم. ولأجل ذلك يحتاج إلى غيره، وغيره يحتاج إليه.
٢. قد نظم الله حياة الناس على التعارف والتعاون ليعمروا الأرض ويسبحوا بحمد الله عز وجل.
٣. خلق الله الناس ذوى ميول و غرائز شتى. فمنهم يميل إلى العلم وبعضهم يميل إلى السعي في الارض أو يميل إلى الزراعة والحصاد وغرائز شتى.

قال الله تعالى : ﴿ زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ﴾
(سورة آل عمران : ١٤)

٤. إن الله تعالى عندما خلق آدم عليه السلام، أمر ملائكته بالسجود له، سجدوا تكريم، لا سجدوا عبادة. وقد امتثل الملائكة للأمر إلا الشيطان لأنه أبى واستكبر.
٥. اقتضت حكمته تعالى رحمة بالإنسان، ورافة به أن يرسل إليه الانبياء من جنسه ليرفوه الحق ولينظموه له حياته.

قوله تعالى : ﴿ فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ ۗ ﴾ (سورة البقرة : ٢١٣)

BILANGAN PARA NABI DAN RASUL

Bilangan para nabi dan rasul yang disebut di dalam al Quran ialah 25 orang :

- 1) Adam a.s 2) Idris a.s 3) Nuh a.s 4) Hud a.s 5) Soleh a.s
- 6) Ibrahim a.s 7) Lut a.s 8) Ismail a.s 9) Ishak a.s 10) Ya'kub a.s
- 11) Yusuf a.s 2) harun a.s 13) Musa a.s 14) Ayub a.s
- 15) Syuaib a.s 16) Daud a.s 17) Sulaiman a.s 18) Ilyas a.s
- 19) Ilyasa' a.s 20) Yunus a.s 21) Zulkifli a.s 22) Zakaria a.s
- 23) Yahya a.s 24) Isa a.s 25) Muhammad s.a.w

ULUL AZMI DI KALANGAN RASUL

1- Ulul Azmi di kalangan rasul ialah :

- 1) Nuh a.s 2) Ibrahim a.s 3) Musa a.s
- 4) Isa a.s 5) Muhammad s.a.w

2- Lima nabi ini digelar **ulul azmi** kerana mereka sabar atas kejahatan kaum mereka dan menanggung kesusahan lebih berat daripada yang lain.

3- Allah swt menurunkan kitab Zabur kepada nabi Daud a.s. Kandungan kitab Zabur ialah ungkapan memuji dan doa pada Allah serta berita yang menunjukkan kedatangan nabi Muhammad s.a.w sebagai rahmat seluruh alam.

4- Allah swt menurunkan kitab Injil kepada nabi Isa a.s. Erti perkataan injil ialah berita gembira dengan perkhabaran gembira.

(۲) عدد الأنبياء والرسل

وقد ذكر الله في القرآن الكريم أسماء خمسة وعشرين من الأنبياء والرسل وهم:

- (۱) آدم ﷺ (۲) إدریس ﷺ (۳) نوح ﷺ (۴) هود ﷺ (۵) صالح ﷺ
- (۶) إبراهيم ﷺ (۷) لوط ﷺ (۸) اسماعيل ﷺ (۹) اسحاق ﷺ (۱۰) يعقوب ﷺ
- (۱۱) يوسف ﷺ (۱۲) هارون ﷺ (۱۳) موسى ﷺ (۱۴) أيوب ﷺ
- (۱۵) شعيب ﷺ (۱۶) داود ﷺ (۱۷) سليمان ﷺ (۱۸) إلیاس ﷺ
- (۱۹) إلیسع ﷺ (۲۰) یونس ﷺ (۲۱) ذوالکفلی ﷺ (۲۲) زکریا ﷺ
- (۲۳) یحیا ﷺ (۲۴) عیسی ﷺ (۲۵) مُحَمَّد ﷺ

(۳) أولو العزم من الرسل

۱. أولو العزم من الرسل وهم:

- ۱ - نوح ﷺ
- ۲ - إبراهيم ﷺ
- ۳ - موسى ﷺ
- ۴ - عیسی ﷺ
- ۵ - مُحَمَّد ﷺ

۲. هؤلاء الخمسة سماوا بأولي العزم لأنهم صبروا على أذى قومهم وتحملوا المشاق أكثر من غيرهم.

۳. إن الله قد أنزل الزبور على داود ﷺ فيه تساييح وادعية لله وتنبؤات تدل على مجيء مُحَمَّد ﷺ رحمة للعالمين.

۴. أنزل الانجيل على عیسی ﷺ. ومعنى الإنجيل هو البشري المفرحة ببحر سار.

(٤) الفرق بين النبي والرسول

PERBEZAAN ANTARA NABI DAN RASUL

1. Nabi dari sudut bahasa: Orang yang diberikan perkhabaran oleh Allah.

Nabi dari sudut Syarak: orang yang merdeka dari kalangan anak Adam yang diwahyukan oleh Allah, sama ada dia diperintahkan menyampaikan (wahyu tersebut) atau tidak diperintahkan menyampaikannya.

2. Rasul dari sudut bahasa: orang yang diutus oleh pihak lain.

Rasul dari sudut Syarak: orang yang merdeka dari kalangan anak Adam yang diwahyukan oleh Allah swt dengan hukum syarak dan diperintahkan menyampaikan (wahyu tersebut)

3. Orang Islam wajib beriman dengan para nabi dan rasul Allah.

Firman Allah swt: *“Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata:) Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulNya. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami dan kepadaMu jualah tempat kembali”*. (al Baqarah : 285)

١. النبي لغة : المنبيء عن الله.

شرعا: هو إنسان حر من بني آدم أوحى الله إليه سواء أمر بالتبليغ أو لم يؤمر به.

٢. الرسول لغة : هو المرسل من قبل غيره.

شرعا: هو إنسان حر من بني آدم أوحى الله إليه بشرع وأمره بتبليغه.

٣. من الواجب على المسلم أن يؤمن بأنبياء الله ورسله.

قوله تعالى : ﴿ ءَأَمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ؕ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَأَمَنَ

بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ؕ ﴾ (سورة البقرة : ٢٨٥)

MUKJIZAT PARA NABI

1. Mukjizat adalah perkara luar biasa yang Allah berikan kepada orang yang mengaku sebagai nabi untuk membenarkan dakwaannya.

2. Antara mukjizat nabi-nabi terdahulu:

1. Mukjizat Nabi Saleh a.s ialah unta keluar dari bukit.
2. Mukjizat Nabi Musa a.s ialah baginda mencampakkan tongkatnya ke tanah lalu menjadi ular.
3. Mukjizat Nabi Isa a.s ialah menghidupkan kembali orang mati dengan izin Allah swt.
4. Mukjizat Nabi Muhammad s.a.w ialah mengembalikan penglihatan mata Qatadah bin an Nu'man (yang tercedera dalam peperangan)

3. Mukjizat-mukjizat ini dinamakan mukjizat hissi (yang dapat diketahui melalui pancaindera), iaitu yang dapat dilihat oleh mata kasar.

4. - Al-Quran adalah mukjizat yang akan kekal sehingga hari kiamat, dan ia adalah mukjizat terbesar Muhammad, saw.

(۵) معجزات الانبياء

۱. المعجزة هي الأمر الخارق للعادة الذي يظهره الله على يد مدعي النبوة تصديقاً له في دعواه.

۲. من المعجزات الأنبياء السابقين:

- ۱- المعجزة لنبي صالح عليه السلام هو خروج الناقة من الجبل.
- ۲- المعجزة لنبي موسى عليه السلام هو يلقى عصاه على الأرض فتصير ثعباناً
- ۳- المعجزة لنبي عيسى عليه السلام هو إحياء الموتى بإذن الله.
- ۴- المعجزة لنبي محمد صلى الله عليه وسلم هو رد عين قتادة بن النعبان

۳. تسمى هذه المعجزات بالمعجزات الحسية، أي المرئية رأي العين.

۴. - إن القرآن الكريم معجزة باقية إلى يوم القيامة وهي معجزة الكبرى لمحمد صلى الله عليه وسلم

PERKARA WAJIB BAGI PARA RASUL SECARA UMUM DAN TERPERINCI

1. Perkara yang wajib para rasul secara umumnya ialah setiap kesempurnaan manusia, seperti menunaikan janji, ikhlas, berani, sejahtera tubuh badan mereka dari penyakit, dan mereka tidak melakukan perkara yang menjauhkan manusia daripada mereka.

2. Perkara yang wajib para rasul secara terperinci ialah:

SIFAT BENAR

1. Sifat jujur ialah perkhabaran yang menepati dengan realiti.

2. Dalil naqli (al Quran/hadis) tentang wajibnya sifat benar bagi para rasul, firman Allah swt: *“Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera Al-Ahzaab, berkatalah mereka: Inilah yang telah dijanjikan Allah dan RasulNya kepada kami dan benarlah (apa yang telah dijanjikan) Allah dan RasulNya dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah”* (Surah Al-Ahzab: 22)

SIFAT AMANAH

1. Sifat amanah adalah Allah SWT memelihara keadaan zahir dan batin para Rasul dari perbuatan yang dilarang.

2. Dalil naqli (al Quran/hadis) tentang wajibnya sifat amanah/jujur bagi para rasul, firman Allah swt: *“Sesungguhnya aku ini ialah Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu”* (Surah al-Syu`ara': 107)

(٦) الواجب للرسول إجمالاً وتفصيلاً

١. الواجب للرسول إجمالاً هو كل كمال بشري كالوفاء العهد والإخلاص والشجاعة وسلامة أجسادهم من العاهات وخلو أفعالهم عما ينفر الناس عنهم.

٢. الواجب للرسول تفصيلاً هو:

الصدق

١. الصدق هو مطابق الخبر للواقع.

٢. الدليل على وجوب الصدق للرسول قوله تعالى: ﴿وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ﴾ (سورة الأحزاب: ٢٢)

الأمانة

١. الأمانة هي حفظ الله تعالى ظواهر الرسل وبواطنهم من فعل قد نهي عنه.

٢. الدليل النقلي على وجوب الأمانة للرسول قوله تعالى: ﴿إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ﴾ (سورة الشعراء: ١٠٧)

SIFAT MENYAMPAIKAN DAKWAH

1. Tabligh ialah para rasul menyampaikan segala apa yang diperintahkan Allah swt kepada mereka untuk disampaikan kepada manusia tanpa kesamaran maksudnya atau kesukaran memahaminya.

2. Dalil naqli (al Quran/hadis) tentang wajibnya sifat menyampaikan bagi para rasul, firman Allah swt: *“Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya”* (Surah Al-Ma’idah: 67)

SIFAT KEBIJAKSANAAN

1. Sifat bijaksana ialah cepat memahami dan kukuh hujahnya.

2. Dalil naqli (al Quran/hadis) tentang wajibnya sifat bijaksana bagi para rasul, firman Allah swt: *“dan berbasalah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik”* (Surah An-Nahl: 125)

التبليغ

١. التبليغ هو إيصال الرسل كل الذي أمرهم الله بتبليغه للناس إليهم بغير لبس في المعاني ولا غموض.

٢. الدليل النقل على وجوب التبليغ للرسل قوله تعالى: ﴿يَأَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ﴾ (سورة المائدة : ٦٧)

الفطنة

١. الفطنة هي سرعة الفهم وقوة الحجة.

٢. الدليل النقل على وجوب الفطنة للرسل قوله تعالى: ﴿وَجَادِلْهُمْ بَالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ﴾ (سورة النحل : ١٢٥)

PERKARA MUSTAHIL BAGI PARA RASUL

1. Perkara yang mustahil bagi para Rasul secara umumnya ialah setiap kekurangan manusia yang mencatitkan risalah mereka, seperti sifat zalim, memungkiri janji, khianat, pengecut dan lain-lain.

2. Perkara mustahil bagi para Rasul secara terperinci ialah:

- | | |
|--------------------------|------------------|
| 1- Sifat dusta | 2- Sifat khianat |
| 3- Menyembunyi kebenaran | 4- Sifat bodoh |

3. Dalil naqli tentang perkara di atas ialah firman Allah swt: “Mereka (Nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutlah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka.” (Surah Al-An’am: 90)

PERKARA HARUS BAGI PARA RASUL

1. Kebijaksanaan Allah SWT menentukan agar diutus para nabi dari kalangan manusia, bukannya dari kalangan malaikat, kerana jenis yang sama lebih memberi kesan kepada jenis tersebut.

2. Perkara harus bagi para Rasul ialah semua perkara yang dibolehkan bagi manusia lain seperti kemahiran yang tinggi, pekerjaan yang mulia dan penyakit yang tidak berjangkit (tidak memudaratkan).

3. Dalil naqli tentang sifat-sifat manusia ada pada para nabi adalah firman Allah SWT: “Dan mereka pula berkata: Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia yang lain)?” (Surah Al-Furqan: 7)

(٧) المستحيل على رسل الله

١. المستحيل على الرسل إجمالاً هو كل نقص بشري يخل برسالاتهم كالظلم و نقض العهد والغدر والجبن وغيرها.

٢. المستحيل على الرسل تفصيلاً هو :

- | | |
|------------|------------|
| ١- الكذب | ٢- الخيانة |
| ٣- الكتمان | ٤- البلادة |

٣. الدليل النقل على ذلك قوله تعالى : ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهِدَانِهِمْ آقَّتَدِهٖ﴾ (سورة الأنعام : ٩٠)

(٨) الجائز على رسل الله

١. اقتضت حكمة الله تعالى أن يرسل الأنبياء من البشر لا من الملائكة لأن الجنس إلى الجنس أميل .

٢. الجائز في حق الرسل هو كل ما يجوز على سائر البشر من الحرف العالية والصناعات الشريفة و المرض الذي لا يعدى.

٣. الدليل النقلى على جواز ظهور أعراض البشر على الأنبياء قوله تعالى : ﴿وَقَالُوا

مَالِ هَذَا الرَّسُولِ يَأْكُلُ الطَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الْأَسْوَاقِ﴾

(سورة الفرقان : ٧)

HUKUM MENGUTUSKAN RASUL

1. Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaa'ah : Allah swt mengutus rasul-rasul adalah kurniaan daripadaNya dan bukan wajib ke atasNya, kerana Allah swt adalah maha pencipta lagi bebas dalam pilihannya.

2. Mazhab Mu'tazilah: Allah swt mengutus rasul-rasul itu adalah satu kewajipan bagiNya, kerana Allah swt sendiri yang mewajibkan perkara tersebut ke atas diri-Nya sendiri.

(٩) حكم ارسال الرسل

١. مذهب أهل السنة والجماعة : أن ارسال الله للرسول هو تفضل منه وليس بواجب عليه، لأن الله تعالى فاعل مختار لذاته.

٢. مذهب المعتزلة : أن ارسال الله للرسول هو واجب على الله، لأن الله هو الذي أوجبه على نفسه .

PERKARA GHAIB

1- Pengertian Perkara-perkara ghaib: ialah perkara yang kita percayai melalui cara mendengar daripada paranabi yang benar dan kita tidak melihatnya dengan mata kasar.

2- Perkara-perkara ghaib:

1. Hari Kebangkitan dan dihidupkan kembali
2. Hari perhimpunan
3. Titian Sirat
4. Timbangan (amalan)
5. Hari perhitungan
6. Pahala dan seksaan
7. Kekalnya syurga dan neraka
8. Malaikat
9. Jin dan syaitan
10. dibangkitkan roh dan jasad
11. Wali-wali Allah swt

HARI KEBANGKITAN DAN DIHIDUPKAN KEMBALI

1- **Hari Kebangkitan** ialah Allah swt membangkitkan/menghidupkan kembali orang yang telah mati.

Hari dihidupkan kembali ialah hari manusia dikeluarkan dari kubur mereka selepas mereka dibangkitkan.

2- Hukum beriman dengan dua perkara ini adalah wajib dan orang yang mengingkarinya adalah kafir

3- Dalil naqli (al Quran/hadis) tentang perkara tersebut ialah firman Allah swt: " Dari bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkan kamu pada kali yang lain. " (Surah Taha: 55).

السمعيات

١- تعريف السمعيات: هي الأمور التي نعتقدها عن طريق السماع من الأنبياء الصادقين ولا نراها بالمشاهدة.

٢- الأمور السمعيات :

- | | |
|-------------------|----------------------|
| ١- البعث والنشر | ٧- خلود الجنة والنار |
| ٢- الحشر | ٨- الملائكة |
| ٣- الصراط | ٩- الجن والشياطين |
| ٤- الميزان | ١٠- بعث الروح والجسد |
| ٥- الحساب | ١١- أولياء الله |
| ٦- الثواب والعقاب | |

البعث والنشر

١- البعث هو إحياء الله الموتى.

- النشر هو إخراجهم من القبور بعد بعثهم .

٢- حكم الايمان بهما واجب ومنكرهما كافر

٣- الدليل النقلى على ذلك قوله تعالى : ﴿ مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى ﴾ (سورة طه : ٥٥)

HARI PERHIMPUNAN

1- Al-Hasyr ialah hari yang mana dibawa manusia selepas mereka dibangkitkan (dari kubur) menuju tempat perhitungan untuk dijatuhkan hukum di antara mereka.

2- Hukuman beriman padanya adalah wajib dan orang yang mengingkarinya adalah kafir.

3- Dalil naqli (al Quran/hadis) tentang perkara tersebut ialah firman Allah swt: "Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya). Perbuatan (menghidupkan dan) menghimpunkan mereka di Padang Mahsyar itu, mudah bagi Kami melaksanakannya" (Surah Qaf : 44)

4- Keadaan manusia pada hari perhimpunan adalah berbeza mengikut amalan mereka:

1- Antaranya ialah golongan berkenderaan, mereka banyak amalan kebbaikannya

2- Antaranya ialah golongan berjalan kaki, mereka sedikit amalan kebbaikannya

3- Antaranya ialah golongan yang berjalan di atas mukanya, mereka adalah orang-orang kafir

5- Orang yang pertama datang ke tempat perhimpunan ini dan masuk ke syurga ialah nabi Muhammad s.a.w.

الحشر

١- الحشر هو سوق العباد بعد بعثهم إلى موقف الحساب للقضاء بينهم .

٢- حكم الايمان به واجب و منكره كافر .

٣- الدليل النقلى على ذلك قوله تعالى : ﴿ يَوْمَ تَشَقُّقُ الْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ذَلِكِ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِيرٌ ﴾ (سورة ق : ٤٤)

٤- أحوال الناس في الحشر مختلفة تبعا لأعمالهم :

١- منهم الراكبون وهم كثيرون العمل

٢- منهم المشون وهم قليل العمل

٣- منهم المشون على وجوههم وهم الكفار

٥- أول من يرد المحشر ويدخل الجنة هو مُحَمَّد ﷺ .

TITIAN SIRAT

- 1- Titian Sirat ialah jambatan yang terbentang di atas Neraka, semua makhluk sama ada yang beriman, kafir atau lainnya, akan melalui titian tersebut.
- 2- Dalil tentang adanya titian sirat ialah firman Allah swt: “sehingga masing-masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui)” (Surah Yasin : 66)
- 3- Keadaan manusia yang melalui titian sirat:
 - 1- Melaluinya sepanas sekelip mata
 - 2- Melaluinya Bagai kilat menyambar
 - 3- Melaluinya Seperti angin ribut
 - 4- Ada di antara mereka yang tidak dapat melintasinya dan terjerumus ke dalam Neraka

NERACA TIMBANGAN AMALAN

- 1- Neraca ialah alat yang dapat diketahui dengan pancaindera lahiriah ianya mempunyai lisan dan dua daun timbangan (untuk menimbang amal kebaikan dan keburukan).
- 2- Hukuman beriman dengannya adalah wajib dan mengingkarinya adalah kafir
- 3- Dalil tentang adanya timbangan ialah firman Allah SWT: “Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat” (Surah al Anbiya’ : 47)

الصراط

- ١- الصراط جسر ممدود على ظهر جهنم، يرده جميع الخلائق المؤمنين والكافرين وغيرهم.
- ٢- الدليل على وجود الصراط قوله تعالى : ﴿ فَاسْتَبِقُوا الصِّرَاطَ ﴾ (سورة يس : ٦٦)
- ٣- أحوال الناس يجوزه على الصراط :
 - ١- كلمح البصر
 - ٢- كالبرق الخاطف
 - ٣- كالريح العاصف
 - ٤- ومنهم من لا يجوزه ويسقط في جهنم

الميزان

- ١- الميزان هو آلة حسية لها لسان وكفتان
- ٢- حكم الايمان به واجب و منكره كافر
- ٣- الدليل على وجود الميزان قوله تعالى : ﴿ وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ ﴾ (سورة الأنبياء : ٤٧)

HARI PERHITUNGAN

- 1- Hisab ialah Allah swt menghitung dan memeriksa amalan hamba-Nya.
- 2 - Hukum beriman dengannya adalah wajib dan mengingkarinya adalah kafir
- 3- Dalil tentang adanya hisab ialah firman Allah SWT: “Demi Tuhanmu! Kami akan menyoal mereka (yang kafir itu) semuanya (pada hari kiamat kelak).(92) Mengenai apa yang mereka telah lakukan (93)” (Surah al ijr : 92-93)
- 4- Perhitungan (amalan) ini berlaku selepas surat amalan diberikan kepada seseorang itu, dan ia berbeza keadaannya:
 - 1- Sukar bagi orang kafir
 - 2- Mudah bagi orang yang beriman

PAHALA DAN SEKSAAN

- 1 – Allah swt telah menetapkan manusia dengan syariatNya (hukum-hakamNya) dan menjanjikan mereka dengan Syurga sekiranya mereka taat, dan Allah swt juga telah menjanjikan mereka dengan Neraka jika mereka menderhakainya.
- 2- Hukuman beriman dengannya adalah wajib, dan mengingkarinya adalah kafir
- 3- Dalil tentang adanya pahala dan seksaan ialah firman Allah SWT: “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalNya)! (7) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalNya)! (8)” (surah Zalzalah : 7-8)

الحساب

- ١- الحساب هو توقيف الله العباد على أعمالهم.
- ٢ - حكم الايمان به واجب و منكره كافر
- ٣- الدليل على وجود الحساب قوله تعالى : ﴿ فَوَرَبِّكَ لَنَسْأَلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٢﴾ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾ (سورة الحجر : ٩٢-٩٣)
- ٤- يكون الحساب بعد تطاير الصحف وهو مختلفة :
 - ١- فمنه العسير على الكفار
 - ٢- ومنه اليسير على المؤمنين

الثواب والعقاب

- ١- وقد كلف الله الناس بشرائعه ووعدهم بالجنة إذا أطاعوا وأوعدهم بالنار إذا عصموا
- ٢- حكم الإيمان به واجب ومنكره كافر
- ٣- الدليل على وجود الثواب والعقاب قوله تعالى : ﴿ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾ (سورة الزلزلة : ٧-٨)

MALAIKAT

1- Malaikat adalah makhluk halus yang dicipta dari cahaya, ianya mampu bertukar bentuk dengan bentuk-bentuk yang baik.

2- Beriman kepadanya adalah wajib, dan mengingkarinya adalah kafir.

3- Dalil tentang adanya malaikat ialah firman Allah SWT: “Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya” (Al-Baqarah: 28)

4- Tugas para malaikat: sebahagian daripada mereka memikul ‘Arasy Allah swt, dan sebahagian daripada mereka diamanahkan untuk menjaga hamba-hambaNya.

5- Nama-nama malaikat yang wajib diimani secara terperinci:

- | | |
|------------|-----------|
| 1- Jibril | 2- Mikail |
| 3- Israfil | 4- Azrael |
| 5- Malik | 6- Radwan |
| 7- Munkar | 8- Nakir |
| 9- Raqib | 10- ‘Atid |

الملائكة

١- الملائكة هم لطيفة نورانية قادرة على التشكل بالأشكال الحسنة.

٢- الإيمان به واجب ومنكره كافر.

٣- الدليل على وجود الملائكة قوله تعالى: ﴿ ءَاْمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَاْ اُنزِلَ اِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهِۗءَ وَاْلْمُؤْمِنُوْنَ كُلُّ ءَاْمَنَ بِاللّٰهِ وَمَلَٰئِكَتِهٖۙ ﴾ (سورة البقرة : ٢٨٥)

٤- وظائف الملائكة: منهم يحملون عرش الله ومنهم موكلون بحفظ العباد.

٥- اسماء الملائكة التي يجب الإيمان به تفصيلا:

- | | | | | |
|----------|------------|------------|------------|----------|
| ١- جبريل | ٢- ميكائيل | ٣- إسرافيل | ٤- عزرائيل | ٥- مالك |
| ٦- رضوان | ٧- منكر | ٨- نكير | ٩- رقيب | ١٠- عتيد |

KEKALNYA SYURGA DAN NERAKA

1- Ahlus-Sunnah wal-Jama'ah mengatakan bahawa syurga dan neraka telah dicipta sekarang.

2- Hukum beriman dengan kedua-duanya adalah wajib dan mengingkarinya adalah kafir.

3- Ahlus-Sunnah wal-Jama'ah mengatakan bahawa Syurga tidak akan binasa dan Neraka juga tidak akan binasa.

4- Dalil tentang perkara tersebut adalah firman Allah swt: "mereka tidak dijatuhkan hukuman bunuh supaya mereka mati (dan terlepas dari seksa) dan tidak pula diringankan azab Neraka itu dari mereka " (Surah Fatir: 36).

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai ahli syurga, kekallah tiada kematian lagi, wahai ahli neraka, kekallah tiada kematian lagi."

KEKAL DALAM NERAKA

1- Orang kafir dan orang munafik akan kekal di dalam Neraka selama-lamanya.

2- Dalil tentang perkara tersebut ialah firman Allah swt: "Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka. Dan kamu tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka" (surah al Munafiqun : 145) Dan Allah Taala berfirman: "mereka tidak dijatuhkan hukuman bunuh supaya mereka mati (dan terlepas dari seksa) dan tidak pula diringankan azab Neraka itu dari mereka dan demikianlah Kami membalas tiap-tiap orang yang melampau kufurnya" (Surah Fatir : 36).

3- Manakala orang Islam yang berdosa, jika dimasukkan ke neraka, ia akan disiksa sesuai dengan kadar dosanya, kemudian ia akan dikeluarkan darinya ke surga.

خلود الجنة والنار

١- يقول أهل السنة والجماعة الجنة والنار مخلوقتان الآن.

٢- حكم الإيمان بهما واجب و منكرهما كافر .

٣- يقول أهل السنة والجماعة: أن الجنة لن تفتى وأن النار لن تفتى.

٤- الدليل على ذلك قوله تعالى : ﴿ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُحْقَفُ عَنْهُمْ مِّنْ عَذَابِهَا ﴾ (سورة فاطر : ٣٦)

قال النبي ﷺ: "يا أهل الجنة خلود بلا موت، ويا أهل النار خلود بلا موت".

البقاء في جهنم

١- يبقى في جهنم على التأبيد والدوام الكفار والمنافقون.

٢- الدليل على ذلك قوله تعالى: ﴿ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ ﴾ (سورة المنافقون: ١٤٥). وقوله تعالى : ﴿ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُحْقَفُ عَنْهُمْ مِّنْ عَذَابِهَا كَذَلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَفُورٍ ﴾ (سورة فاطر : ٣٦).

٣- وأما العصاة من المسلمين إذا دخل النار يعذب على مقدار ذنبه ثم يخرج منها إلى الجنة.

JIN DAN SYAITAN

1- Jin adalah jisim lembut yang dicipta dari api yang mampu berubah bentuk dengan bentuk yang baik atau hodoh. Allah SWT memerintahkan mereka agar sujud kepada Adam, lalu mereka mematuhi perintah tersebut.

2- Manakala keturunan jin yang sujud kepada Adam as.

Antaranya ada yang beriman dan ada yang kafir. Mereka ditaklifkan dengan (ajaran) Al-Qur'an dan mendapat pahala dengan membacanya.

3- Dalil tentang adanya jin ialah firman Allah SWT: "Katakanlah (wahai Muhammad): Telah diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya: Satu rombongan jin telah mendengar (Al-Quran yang aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar Al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan!" (Surah Jin : 1)

4- Syaitan ialah iblis (ianya adalah dari golongan jin dan ianya menderhakai perintah Tuhannya)

5- Iblis mempunyai isteri dari jenisnya sendiri, dan anak-anak lelaki dan perempuannya membiak, mereka masih beranak pinak, dan yang mati di antara mereka tempatnya adalah Neraka. Mereka tidak akan taat kepada Allah swt selama-lamanya. Sebahagian daripada mereka menguasai tubuh manusia Dan sebahagian lagi mengelirukan manusia dengan agama mereka.

6- Dalil kewujudan syaitan adalah firman Allah SWT: "dia adalah berasal dari golongan jin, lalu dia menderhaka terhadap perintah Tuhannya" (Surah Al-Kahfi : 50).

الجن والشیاطین

۱- الجن هم أجسام لطيفة نارية قادرة على التشكل بأشكال حسنة أو قبيحة . وقد أمرهم الله تعالى بالسجود لآدم فامتثلوا للأمر.

۲- وأما ذرية الجن الذين سجدوا لآدم عليه السلام . فمنهم المؤمن ومنهم الكافر وهم مكلفون بالقرءان الكريم ومتعبدون بتلاوته.

۳- الدليل على وجود الجن قوله تعالى : ﴿ قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴾ (سورة الجن : ۱)

۴- الشيطان هو إبليس (كان من الجن ففسق عن أمر ربه)

۵- إبليس كانت له زوجة من جنسه وتكاثر ابناءه وبناته، وهم ما يزالون يتناسلون، ومن يموت منهم مصيره إلى النار، ولا يطيعون الله أبدا . و منهم من يصرع أجساد الناس، ومنهم من يلبس على الناس دينهم .

۶- الدليل على وجود الشيطان قوله تعالى : ﴿ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنَّا أَمْرٍ رَبِّيَّ ﴾ (سورة الكهف: ۵۰)

KEBANGKITKAN ROH DAN JASAD

1- Orang-orang yang beriman di dalam syurga akan menikmati (nikmat-nikmat syurga) dengan jasad dan jiwa mereka.

2- Dalil perkara tersebut ialah firman Allah swt : “tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan Syurga itu, mereka berkata: Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya)” (Al-Baqarah: 25).

3- Orang-orang kafir dan munafik akan disiksa di dalam neraka dengan tubuh dan jiwa mereka.

4- Dalil tentang perkara tersebut ialah firman Allah swt: “Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu” (Surah Nisa’ : 56)

5- **Hur** ialah bidadari Syurga, terlalu putih matanya disamping begitu cantik mata hitamnya.

6- Wildan ialah budak-budak dunia ini, mereka berkhidmat untuk penghuni Syurga.

بعث الروح والجسد

١- إن المؤمنين في الجنة سيتنعمون بأجسادهم وأرواحهم .

٢- الدليل على ذلك قوله تعالى : ﴿ كَلَّمَا رَزَقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رَزَقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأَنُوتُوا بِهِءِ مُتَشَابِهًا ۗ ﴾ (سورة البقرة: ٢٥)

٣- إن الكفار والمنافقين سيعذبون في النار بأجسادهم وأرواحهم .

٤- الدليل على ذلك قوله تعالى : ﴿ كَلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُمْ بَدَّلْنَاهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا الْعَذَابَ ۗ ﴾ (سورة النساء: ٥٦)

٥- الحور: هن نساء الجنة، شدة بياض العين مع سوادها.

٦- الولدان: هم غلمان دنيا وهم خدمة لأهل الجنة.

PARA WALI ALLAH

1- Orang yang mentaati Allah saw adalah daripada golongan wali Allah swt. Para wali Allah swt tidak takut dan tidak bersedih hati. Allah swt memuliakan para walinya dengan keramat seperti Maryam r.ha mendapat makanan (langsung daripada Allah swt).

2- Sesiapa yang mengikuti syaitan adalah dari golongan penyokongnya. Mereka mempunyai rasa takut dan kehinaan.

أولياء الله

١ - من يطع الله فهو من أولياءه . أولياء الله لاخوف عليهم ولا هم يحزنون . والله تعالى
يكرم أولياءه بكرامات كما احتاجت مريم رضي الله عنها إلى الغذاء.

٢ - من يطع الشيطان فهو من أولياءه . ولهم الخوف والخزي .